**Source:** Berita Minggu, Page 7
**Date:** 15 October 2023

NUHS
National University Health System

BULAN KESEDARAN BARAH BUAH DADA

# Hadapi barah buah dada semasa hamil, namun enggan menyerah kalah



TEMPUHI UJIAN: Ustazah Nuritah Abdul Rahim (dua dari kiri) menerima berita beliau menghidapi barah buah dada ketika sedang hamil 34 minggu dengan anak keempatnya, Umar Al-Farooq (dalam gambar), pada 2020. Namun, berkat sokongan kuat keluarga, termasuk suami, Ustaz Muhd Faisal Ayub, dan ibu, Cik Zubaidah Jalil, beliau berjaya menempuhi ujian itu. – Foto BM oleh KHALID BABA


▶ IRMA KAMARUDIN
irmak@sph.com.sg


Sedang wanita lain ghairah menantikan hari bahagia untuk menyambut kelahiran anak tercinta yang dikandung, Ustazah Nuritah Abdul Rahim pula dirundung perasaan dan fikiran berkecamuk.

Bayangkan hati luluh seorang ibu yang sedang 34 minggu hamil tatkala menerima berita bahawa beliau menghidapi barah buah dada pada tahap dua.

"Apabila doktor beritahu saya bahawa saya dapat gred kanser yang agresif, saya menangis. Bagaimana saya nak teruskan kehidupan dengan saya ada barah, dan saya ada empat anak, dan saya belum lahirkan pun anak yang saya kandungkan pada waktu itu, yang keempat?

"Adakah saya dapat melihat anak keempat saya membesar? Ini yang buat saya rasa sebak, saya menangis. Saya terlalu sedih waktu itu sehingga doktor terpaksa keluarkan saya dari bilik untuk saya masuk ke bilik lain bagi hubungi keluarga.

"Tetapi, ketika itu saya tak boleh nak beritahu sesiapa sebab saya tak tahu nak cakap apa," kata Ustazah Nuritah.

### ADA TANDA TETAPI TANGGUH PEMERIKSAAN

Ustazah Nuritah, yang kini berusia 36 tahun, didiagnosis menghidapi barah buah dada pada 2020.

Beliau menceritakan bahawa ketika itu, beliau ada berasa gumpalan pada buah dada kirinya yang tidak rasa sakit, namun tidak berfikir panjang memandangkan beliau sedang sarat mengandung dan hampir bersalin.

"Saya pun tak ambil endah sangat. Balik daripada percutian dengan keluarga, saya rasa gumpalan itu semakin membesar dan saya rasa ada yang tidak kena.

"Memang waktu itu pun saya ada janji temu dengan pakar sakit puan dan saya memberitahu beliau tentang gumpalan itu. Namun, menurut pakar, ia sesuatu yang tidak perlu dirisaukan kerana perkara ini biasa berlaku pada wanita yang mengandung.

"Namun, memandangkan saya kelihatan begitu risau, beliau buatkan janji temu untuk saya berjumpa dengan pakar bedah buah dada," singkap beliau, yang pernah bekerja di sebuah rumah perlindungan krisis untuk wanita.

Selain suami beliau, antara orang pertama yang Ustazah Nuritah hubungi setelah menerima berita buruk itu adalah ibunya, Cik Zubaidah Jalil, yang juga pernah mengalami barah buah dada sekitar lima tahun sebelum itu.

"Orang pertama yang saya teringat ialah mak sebab mak pernah melalui perkara ini, dan saya nampak macam mana mak rasa resah, gelisah, kecewa, sedih. Saya rasa itu iktibar yang paling besar dalam hidup saya dan oleh itu, saya hubungi mak," kata beliau.

Meski terkejut dengan berita tidak diduga anaknya mengalami barah, Cik Zubaidah, 65 tahun, berkata beliau cuba memberi kata-kata semangat kepada anaknya supaya beliau kekal tabah dan kuat mengharungi cabaran yang dihadapi.

Seperti anaknya, Cik Zubaidah menerima diagnosis barah buah dada pada 2015 selepas berasakan gumpalan pada buah dada kirinya.

"'Sabar, sabar' saya cakap dengan dia. Kau jangan takut. Kau ikut macam mak, kuatkan semangat. Pergi 'check-up'. Kalau perlu pembedahan untuk buang (buah dada), buatlah.

"Jangan simpan sebab takut nanti makin membesar. Saya selalu beri kata-kata perangsang pada dia," kata beliau.

### SUAMI, IBU BAPA & MENTUA SALING MEMBANTU

Disebabkan diagnosis barahnya itu, Ustazah Nuritah terpaksa melahirkan anaknya, Umar Al-Farooq, lebih awal supaya rawatan dapat dimulakan segera.

Pada mulanya, beliau dimaklumkan kemungkinan akan perlu melalui pembedahan Caesarean, namun berkat usaha doa dan solat hajat, beliau dapat bersalin secara biasa.

Untuk memulakan rawatan kemoterapi, Ustazah Nuritah diberi ubat bagi menghentikan penghasilan susu badan – satu keputusan yang sukar dibuat memandangkan beliau telah memberi susu badan kepada tiga anaknya sebelum ini.

"Saya rasa seperti telan racun. Saya menangis kerana saya rasa seolah-olah saya menyekat rezeki anak saya. Tetapi setelah itu, saya terfikir walau apa pun rezeki datang, sama ada dalam bentuk susu ibu ataupun bukan, itu tetap Allah yang tuliskan," kata beliau.

Ustazah Nuritah juga kemudian menjalani pembedahan mastektomi untuk membuang buah dada kirinya yang terjejas. Beliau kemudian melalui pembedahan pembentukan semula buah dada menggunakan sebahagian otot yang diambil daripada badan belakangnya.

"Sejujurnya, dalam lubuk hati saya rasa berat nak lalui rawatan, tetapi saya nak sihat dan bersama keluarga dan anak-anak.

"Saya mulakan setiap hari dengan senyuman. Saya senyum kepada suami, anak-anak, jiran setiap pagi, dan malah pegawai keselamatan, jururawat di hospital. Saya rasa senyuman itu memberi kesan yang amat positif," kata beliau.

Sepanjang perjalanan mengharungi barah itu, Ustazah Nuritah menerima sokongan daripada keluarga, termasuk ibu bapa sendiri dan mentua.

Namun, suami beliau, Ustaz Muhd Faisal Ayub, merupakan tulang belakang kuatnya.

Demi menjaga isteri yang sedang sakit dan juga anak-anak yang masih kecil, termasuk anak keempat yang baru dilahirkan, Ustaz Faisal, 39 tahun, berhenti kerja. Ketika itu, beliau bekerja di sebuah syarikat kemanusiaan dan sering perlu ke luar negara.

Ustaz Faisal berkongsi walaupun perlu berhenti kerja dan menghadapi masalah ekonomi, beliau mahu berada di samping isteri tersayang dalam detik-detik genting kehidupannya.

"Saya teruskan hidup seperti biasa tetapi, tentu sekali saya berikan lebih banyak masa untuk isteri saya.

"Dalam benak hati, ia mungkin detik terakhirnya. Oleh itu, saya cuba memenuhi keinginannya, menunaikan tanggungjawab dan tugasnya dalam apa jua sekalipun," kata beliau.

Gembiranya, rezeki yang tidak disangka datang menemui pasangan itu, yang memulakan perniagaan menjual buku Islam bagi kanak-kanak secara dalam talian ketika pandemik Covid-19.

Perniagaan itu mendapat sambutan memberangsangkan sehingga mereka berjaya membuka kedai buku fizikal, Qissoh, yang dikendalikan bersama hari ini.

### BAK JATUH DITIMPA TANGGA

Namun, baru sahaja beliau ingin menarik nafas lega, Ustazah Nuritah dikhabarkan dengan berita buruk lagi.

Kali ini, bapa beliau pula – Allahyarham Abdul Rahim Abdul Kadir, yang menghidapi barah paru-paru – perlu dimasukkan ke hospital dan menjalani pembedahan kerana barahnya telah merebak ke otak.

Walaupun baru selesai menjalani pembedahan mastektomi pada waktu itu, Ustazah Nuritah berulang-alik ke hospital untuk bertemu bapanya.

"Mereka dapati ada tumor yang menekan pada bahagian otak yang mengawal pertuturan dan sebab itu, bapa saya tidak dapat bercakap. Saya sedih kerana selepas saya jalani pembedahan, saya belum sempat bercakap dengan beliau lagi.

"Kemudian, beliau pula jatuh sakit dan tidak dapat bercakap," kata beliau.

Mujur, pembedahan yang dijalani bapanya itu berjaya dan beliau pulih.

Namun, kurang setahun kemudian, barahnya kembali dan Allahyarham Abdul Rahim, 69 tahun, meninggal dunia pada Februari 2022.

"Bapa saya, walaupun dalam keadaan sakit, beliau bantu saya dengan suami untuk jaga anak, malah kadangkala, keempat-empat anak kami sekali gus, bersama dengan pembantu kami.

"Itu yang buat saya terkilan beliau tak dapat bertahan penyakit yang sama ini," kata Ustazah Nuritah.

### NASIHAT UNTUK WANITA

Ustazah Nuritah berkata setiap dugaan dan cabaran yang menimpa seseorang itu ada hikmah di sebaliknya.

"Bila kita diberi satu penyakit yang Allah kata akan mati, kalau kita tak ada iman, kita akan rasa ia satu hukuman mati. Tetapi kalau kita ada pegangan iman, kita percaya qadak dan qadar Allah, kita percaya dengan setiap ujian, Allah akan ampunkan dosa.

"Itu yang saya rasa 'Nuritah, anda perlu bersyukur'. Allah berikan penyakit dalam bilamana saya ini bersih daripada dosa sebab saya melahirkan anak. Itu yang saya rasa bersyukur. Kalau saya terlalu sedih, saya akan rasa kalah," kata beliau dengan nada sebak.

Nasihat beliau kepada wanita lain adalah supaya menjalani pemeriksaan buah dada untuk pengesanan awal.

"Jika badan anda rasa berbeza dan anda selalu rasa lemah, pergi periksa untuk tenangkan minda anda. Jangan tangguh," kata beliau.

> "Saya pun tak ambil endah sangat. Balik daripada percutian dengan keluarga, saya rasa gumpalan itu semakin membesar dan saya rasa ada yang tidak kena.
> Memang waktu itu pun saya ada janji temu dengan pakar sakit puan dan saya memberitahu beliau tentang gumpalan itu. Namun, menurut pakar, ia sesuatu yang tidak perlu dirisaukan kerana perkara ini biasa berlaku pada wanita yang mengandung.
> Namun, memandangkan saya kelihatan begitu risau, beliau buatkan janji temu untuk saya berjumpa dengan pakar bedah buah dada."
>
> – Ustazah Nuritah Abdul Rahim.

**AKTIVITI BULAN KESEDARAN BARAH BUAH DADA**

- Ceramah Kesedaran Barah Buah Dada (Dalam bahasa Melayu) & Karnival Kesihatan, 21 Oktober, 11.30 pagi - 5.30 petang di Wisma Geylang Serai, Persada Budaya, Tingkat 1, 1 Engku Aman Turn, Singapura 408528.
- Community Mammobus, 27 Oktober, 9 pagi - 4 petang di tempat letak kereta Blok 447 / 448 Sing Ming Avenue. Janji temu perlu dibuat.
- Sesi senaman Fit & Fab bersama NCIS, 20 Oktober, 7.45 - 9.15 malam di Atrium di luar Kelab Masyarakat The Frontier, 60 Jurong West Central 3, Singapura 648346.
- Pink Ribbon Walk, 29 Oktober, 8 pagi - 12 tengah hari di Marina Bay Sands Events Plaza.
- Reruai BCAM SingHealth di Acara Larian Great Eastern Women, 29 Oktober, 6.45 - 11 pagi di Hab Sukan Singapura.


Source: Berita Minggu © SPH Media Ltd.
Permission required for reproduction